

Cedera diserang Rottweiler

Budak menunggang basikal ke rumah rakan dicakar anjing selepas tertiarap atas jalan

>>Oleh Zulfa Mohamad

am@hmetro.com.my

BUKIT MERTAJAM: "Sambil menahan sakit, saya tidak tahu bagaimana hendak melawan anjing itu," kata Dhiya Qairina Muhammad Nur Akmal, 7, yang cedera diserang anjing jantan ketika menunggang basikal berhampiran rumahnya di Bandar Perda, dekat sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 6.45 petang itu, mangsa menunggang basikal untuk ke rumah rakannya tanpa menyedari seekor anjing hampir dua kali ganda saiz badannya memerhatikannya.

Anjing berkenaan yang diperdayai Rottweiler tiba-tiba menerkam dan menggigit belakang mangsa menyebabkan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Baru Perda itu menjerit kesakitan.



CEDERA...ibu mangsa, Radziah Mohd Adas menunjukkan kesan gigitan Rottweiler (gambar kecil) di belakang Dhiya.

FOTO | Mohd Kamil Rahim

"Saya berasa sakit sangat di belakang namun tidak mampu berbuat apa-apa kecuali menjerit kerana anjing itu sangat besar," katanya ketika ditemui di Hospital KPJ, di sini, semalam.

Kebetulan jeritan mangsa didengari bapanya, Muhammad Nur Akmal Abdul Latif, 47, yang sedang membaki kereta sebelum bergegas untuk melihat apa yang berlaku.

Menurut Muhammad Nur Akmal, dia terperanjat apabila mendapati seekor anjing besar warna hitam menggigit dan mencakar belakang anaknya yang tertiarap atas jalan.

"Saya betul-betul geram melihat tindakan anjing itu dan cuba menghalauinya namun ia tetap tidak melepaskan anak saya."

"Sebaik saya mengambil basikal untuk menghentaknya, baru anjing itu mlarikan diri

selepas menyerang anak saya lebih lima minit," katanya.

Muhammad Nur Akmal menjerjakan anaknya ke Hospital KPJ untuk rawatan sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Prai Tengah (IPDSPT).

"Doktor memberitahu, anak saya perlu berada ke wad sekurang-kurangnya tiga hari walaupun lukanya tidak perlu dijahit.

"Apa yang membimbangkan adalah anak saya cukup trauma dengan kejadian berkenaan," katanya.

Difahamkan, anjing berkenaan terlepas dari kandang rumah pemiliknya yang terletak kira-kira 100 meter dari tempat kejadian.

Pemilik anjing berkenaan sudah melawat dan meminta maaf kepada bapa mangsa atas kejadian itu dan mendakwa kunci kandang anjingnya rosak menyebabkan haiwan itu siasatan lanjut.

haiwan itu terlepas.

Menurutnya, pihaknya bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik anjing berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah SPT, Asisten Komisioner Azman Ab Lah, ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan sudah mengambil keterangan pemilik anjing terbabit untuk siasatan mengikut Seksyen 289 Kanun Kесkaan.

Katanya, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga enam bulan dan denda sehingga RM2,000.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mamunah Mohd Sharif, berkata pihaknya sudah mengambil anjing itu dan menyerahkannya kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk siasatan lanjut.